

5.1.3 Kesan pemanasan global

Pemanasan global memberi kesan kepada hidupan bumi seluruhnya.

(a) Peningkatan paras laut

Suhu panas berterusan akan menyebabkan bongkah ais di bahagian kutub mencair. Peningkatan air laut mengakibatkan banjir dan hakisan serta menenggelamkan kawasan daratan.



(b) Gangguan cuaca

Iklim dunia akan terganggu kerana keadaan suhu ekstrem yang kerap berlaku. Perubahan suhu dan cuaca menyebabkan banjir, ribut, taufan, dan kemarau.



(c) Kemerosotan sumber makanan

Pemanasan global turut menjejaskan penghasilan makanan. Musim banjir dan kemarau akan menyebabkan kerosakan tanaman yang menyebabkan masalah kekurangan bekalan makanan.



(d) Perubahan habitat

Perubahan cuaca sama ada daripada panas ke sejuk atau sebaliknya akan menyebabkan hidupan di bumi berpindah ke tempat atau habitat baharu.



(e) Ancaman kesihatan

Perubahan kecil suhu persekitaran dan taburan hujan boleh menyebabkan perubahan besar dalam pemindahan penyakit berjangkit tertentu menerusi air dan nyamuk seperti taun, malaria, dan demam denggi.



Nota Guru

Bimbing murid untuk membuat peta i-Think mengenai kesan pemanasan global secara berkumpulan.

5.1.3



Latihan

1. Padankan gambar dengan jawapan yang betul.



Perubahan habitat



Ancaman kesihatan



Peningkatan paras laut



Kemerosotan sumber makanan



Gangguan cuaca

Nota Guru

- Bimbing murid untuk membuat peta i-Think mengenai kesan pemanasan global secara berkumpulan.
- Halaman ini adalah sebahagian daripada kod QR pada buku ini.



LIVEWORKSHEETS